BANKRAKYAT
بنك رعية
Bank Pilihan Anda

PANDUAN PERKHIDMATAN

Apakah Perkhidmatan yang anda harapkan dari warga kerja Bank?

Bank Rakyat menawarkan produk takaful yang di taja jamin oleh Takaful Ikhlas melalui cawangan Bank Rakyat. Jika anda ingin menyertai produk individu takaful keluarga melalui warga kerja bank, berikut merupakan perkhidmatan nilai tambah yang anda boleh nikmati:

1 Sebelum anda menyertai Pelan Takaful

Membantu anda dalam Memilih Pelan Takaful yang Sesuai

- Meneliti kandungan borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan kewangan dan keperluan risiko anda.
- Mencadangkan pelan Takaful yang sesuai selepas menilai keperluan anda.

Menerangkan Ciri-Ciri Produk

- Menerangkan ciri-ciri pelan, manfaat yang dibayar, pengecualian, sumbangan dan caj-caj.
- Menyediakan Helaian Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.

2 Apabila anda membuat keputusan untuk menyertai Pelan Takaful

Membantu anda melengkapkan Permohonan Takaful

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat.
- Menerangkan kepentingan membuat penamaan dan/atau hibah untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar diterima oleh penama atau benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.
- Mengemukakan permohonan Takaful anda untuk pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan.

Menerangkan Terma-terma dan Syarat-syarat Sijil

- Sijil Takaful anda akan diberikan/ dihantar melalui pos dalam masa 30 hari.
- Menerangkan syarat-syarat dan terma-terma sijil untuk memastikan bahawa ini adalah pelan Takaful yang sesuai yang telah disertai oleh anda.

3 Semasa Tempoh Pelan Takaful

Perkhidmatan Sijil Berterusan

- Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan seperti pengubahsuaian sijil, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran sumbangan.

Membantu anda dalam membuat Tuntutan Takaful

- Membimbing anda melalui prosedur standard mengenai tatacara untuk membuat tuntutan Takaful.

Portal Pelanggan

Sila layari portal pelanggan Takaful Ikhlas di **https://oca.eikhlas.com.my/oca/** untuk akses atas talian kepada maklumat sijil Takaful anda. Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kakitangan bank, atau memerlukan sokongan tambahan daripada kami, anda boleh menghubungi kami di Talian Khidmat Pelanggan Bank Rakyat di **1 300 80 5454** atau Talian Khidmat Pelanggan Takaful Ikhlas di **03-27239696**

PERBANKAN ISLAM

*Tertakluk pada terma dan syarat

1300 80 5454 www.bankrakyat.com.my / myBANKRAKYAT